



MAJLIS BANDARAYA MIRI

Jalan Raja, 98000 Miri, Sarawak.
Tel: 085-433501, 433504, 433505
Faks: 085-415486
www.miricouncil.gov.my



Certified to ISO 9001:2015
Cert. No. QMS 02469

Ref: MCC/PH-FQC-8 (Jld. 2)

Tarikh: 18 Mac 2020

Kepada,

Semua Operator Premis Makanan di Bawah Perlesenan Majlis Bandaraya Miri

Tuan/Puan,

PER: NOTIS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri dan Sidang Media oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, Majlis Bandaraya Miri telah membuat ketetapan untuk memperkasakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai **18 Mac 2020 Sehingga 31 Mac 2020** di seluruh Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Miri.

2. Adalah dimaklumkan bahawasanya kesemua Premis Makanan di bawah Perlesenan Majlis Bandaraya Miri masih dibenarkan untuk berniaga seperti biasa dengan mematuhi ketetapan syarat seperti berikut;

- i. Pelanggan tidak dibenarkan untuk makan dan minum di premis makanan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- ii. Pemilik premis makanan hanya dibenarkan untuk menjual makanan dan minuman yang telah dibungkus untuk dibawa balik / "take away" dan tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan dan minuman di premis makanan masing-masing.
- iii. Pemilik premis makanan hendaklah sentiasa menjaga kebersihan premis makanan masing-masing dan meningkatkan kebersihan diri bagi membendung wabak COVID-19 dari terus merebak.

Diharap kesemua Pemilik Premis Makanan mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan bagi membantu pencegahan COVID-19.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta sehingga dimaklumkan kemudian.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


(MOHD GHIDI FREDRICK)
Sekretaria Bandaraya,
Majlis Bandaraya Miri